

Bantuan kepada Vietnam bererti sokongan — PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada Australia bahawa sebarang bantuan yang diberikan kepada Vietnam bermakna negara itu menyokong tindak-tanduk dan pencerobohan Vietnam di Kampeuchea sekarang.

"Malaysia menentang sebarang bentuk bantuan kepada Vietnam kerana bantuan itu boleh dianggap oleh Vietnam dan dunia sebagai menyokong pencerobohan Vietnam ke atas Kampeuchea," kata Perdana Menteri kepada Menteri Luar Australia, Enck William Hayden yang mengunjungi beliau di sini pagi ini.

Retua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali memberitahu bahawa Datuk Seri Dr Mahathir menajakaan, Malaysia tidak akan menentang pemberian bantuan kepada Vietnam sekiranya negara itu menarik keluar tenteranya dari Kampeuchea sejajar dengan ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu

dan Perisidangan Antara-bangsa mengenai Kampeuchea (CK).

Kata Tan Sri Zakaria, Perdana Menteri sendiri memberi jaminan akan menyumbang bantuan yang diberi kepada Vietnam jika tenteranya keluar dari Kampeuchea.

Malaysia ialah negara pertama memberi bantuan perikemanusiaan kepada Vietnam selepas tamat peperangan Vietnam dan sebelum negara itu menakluki Kampeuchea.

Datuk Seri Dr Mahathir menajakaan bahawa tentangan Malaysia ini bukan bermakna mahu bermusuhan dan buruk sangka terhadap Vietnam tetapi bimbang program bantuan Australia itu akan menjejus usaha-usaha Asean dan usaha-usaha masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian politik bagi isu Kampeuchea.

Iau itu timbul kerana langkah Kerajaan Buruh Australia mahu memulihkan bantuan kemanusiaan bagi mengatasi kesempitan yang dialami oleh negara itu di samping melongarkan cengkaman pengaruh Soviet Union terhadap Vietnam.

ber tenaga dan kewangan negara itu mencurah untuk tujuan di Kampeuchea itu," jelasnya.

Mengenai tawaran Australia untuk bertindak sebagai orang tengah di Indochina, Tan Sri Zakaria berkata Malaysia tidak menentang sebarang penyelesaian politik jika ia sejajar dengan keputusan ICK.

Enck Hayden memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa pandangan Malaysia

berhubung dengan bantuan perikemanusiaan kepada Vietnam akan disampaikan kepada kerajaannya.

Enck Hayden mengedakan perbincangan dengan rakan sejawatnya, Tan Sri Ghazali Shafie di Wiama Putra selepas mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir.

Tan Sri Ghazali sendiri memandang berat terhadap bantuan seumpama itu kerana Vietnam akan menggunakan bantuan itu bagi tujuan tersendiri.



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri) mempersilakan Menteri Luar Australia, Enck William Hayden duduk selibanya tetamu itu di pejabatnya di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur semalam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Membantah-

Tan Sri Zakaria berkata Malaysia tidak setuju dengan pendapat bahawa bantuan seumpama itu akan menarik Vietnam dari Soviet.

Katanya, bantuan seumpama itu hanya mendorong Vietnam meneruskan tindakannya sekarang dan mengambil haluan yang Australia percaya negara itu akan ambil.

"Dan kita tidak mahu sebarang tindakan oleh mana-mana negara yang seolah-olah menerima tindak-tanduk Vietnam," tambah Tan Sri Zakaria lagi.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan membantah bantuan perikemanusiaan, Tan Sri Zakaria berkata, ia bergantung kepada apa yang ditiadakan sebagai perikemanusiaan.

Katanya, jika berlaku bencana alam seperti gempa bumi di Vietnam, Malaysia tidak akan membantah bantuan kemanusiaan itu.

Tetapi, tambah beliau, kesengsaraan yang berlaku di Vietnam sekarang seperti hospital terpaksa ditutup dan berakut kebuluteraan di kalangan rakyat kerana Vietnam menghabiskan sumber-sumber kewangan mereka di Kampeuchea.

"Vietnam terpaksa menanggung 200,000 anggota tenteranya di Kampeuchea sekarang dan sudah tentu banyak sum-